



Bank Pilihan Anda

## **SOALAN-SOALAN LAZIM**

### **KEMPEN GADAI BELI DAN MENANG**

---

**1. Apakah Kempen Gadai Beli Dan Menang?**

Kempen Gadai Beli dan Menang ini ialah sebuah kempen yang khusus diadakan oleh Bank Rakyat bersama dengan Syarikat Emas terpilih yang menyertai kempen ini sebagai tanda penghargaan kepada pelanggan yang sentiasa menyokong perniagaan Ar-Rahnu.

Tujuan kempen ini diadakan adalah untuk membolehkan para pelanggan dan orang ramai lebih mengenali dan memahami produk Pembiayaan Pajak Gadai-i, di samping menggalakkan lebih ramai pelanggan menggunakan perkhidmatan Ar-Rahnu dan pada masa yang sama, mereka berpeluang menikmati pelbagai tawaran hadiah yang menarik.

**2. Siapakah yang layak menyertai kempen ini?**

Kempen ini terbuka kepada:

- i. Pelanggan individu baharu dan sedia ada;
- ii. Warganegara Malaysia; dan
- iii. Membuat pengeluaran Pembiayaan Pajak Gadai-i & memastikan akaun Pajak Gadai-i aktif semasa tempoh kempen di cawangan Bank Rakyat dan Ar-Rahnu X'Change milik Bank Rakyat sahaja.
- iv. **PENGECUALIAN:**
  - a. Warga kerja Bank Rakyat dan Ar-Rahnu X'Change; dan
  - b. Pelanggan yang mempunyai sebarang akaun tunggakan, akaun yang digantung atau akaun yang ditamatkan atau akaun yang telah melanggar mana-mana terma dan syarat dalam perjanjian dengan Bank.

**3. Apakah senarai syarikat emas terpilih?**

- RMS Gold (Rakyat Management Services Sdn Bhd)
- MAA Precious Metals Sdn Bhd
- Public Gold Marketing Sdn Bhd
- Nubex Sdn Bhd
- Kedai Emas Sri Tanah Merah

**4. Bagaimanakah cara untuk menyertai kempen ini?**

Mekanisma penyertaan adalah berkonsepkan Gadai dan Menang, di mana:

- i. Penyertaan kempen ini hanya kepada permohonan gadaian barang kemas / barangan emas yang diluluskan sahaja sepanjang tempoh kempen berlangsung di semua cawangan Bank Rakyat dan Ar-Rahnu X'Change milik Bank Rakyat sahaja.
- ii. Tiada had minimum bagi nilai gadaian.
- iii. Bagi barang kemas / barangan emas yang dibeli dari syarikat emas terpilih dan seterusnya digadai di Bank Rakyat/Ar-Rahnu X'Change dan diluluskan serta masih aktif dalam tempoh kempen layak mendapat **dua (2) bilangan penyertaan**.
- iv. Manakala bagi barang kemas / barangan emas yang dibeli **selain** dari syarikat emas terpilih dan seterusnya digadai di Bank Rakyat/Ar-Rahnu X'Change dan diluluskan serta masih aktif dalam tempoh kempen layak mendapat **satu (1) bilangan penyertaan**.
- v. Ringkasan kelayakan bilangan penyertaan adalah seperti berikut:

Jumlah Gadaian Yang Diluluskan	Bilangan Penyertaan selain syarikat emas terpilih	Bilangan Penyertaan dari syarikat emas terpilih
Sebarang nilai gadaian	1	2

**5. Bagaimanakah cara untuk mendapatkan gandaan bilangan penyertaan?**

- i. Pelanggan perlu mengemukakan dokumen asal berikut dari syarikat emas yang terpilih semasa urusan gadaian di Bank Rakyat/Ar-Rahnu X'Change iaitu:
  - a. Resit Pembelian / invois Jualan; atau
  - b. Sijil Ketulenan Emas; atau
  - c. Sebarang dokumen yang disahkan oleh Syarikat Emas
- ii. Warga kerja Bank Rakyat akan memasukkan nama syarikat emas berdasarkan dokumen yang dikemukakan oleh pelanggan di dalam sistem.

**6. Bagaimanakah pelanggan mendapatkan baucer tawaran istimewa dari syarikat emas terpilih?**

Pelanggan perlu mengimbas kod QR untuk menerima baucer selepas transaksi pengeluaran pembiayaan Pajak Gadai-i telah berjaya dilaksanakan. Pelanggan hanya perlu menunjukkan keratan tersebut kepada syarikat emas terpilih untuk mendapatkan tawaran istimewa.

**7. Berapa lamakah tempoh kempen ini akan dijalankan?**

Tempoh Kempen adalah selama **enam (6) bulan** bermula dari **02 April 2024** hingga **30 September 2024**.

**8. Apakah sasaran perniagaan yang diletakkan pada kempen ini?**

Kami mensasarkan pertambahan pengeluaran adalah sebanyak 8%.

**9. Apakah hadiah yang ditawarkan kepada pemenang yang bertuah?**

Hadiah yang ditawarkan untuk dua (2) kali cabutan adalah seperti berikut:-

Cabutan Pertama bagi pelanggan membuat gadaian dari bulan April hingga Jun 2024:

KATEGORI	BIL. PEMENANG	HADIAH
Pertama	1	20 gram <i>Gold Bar</i>
Kedua	1	10 gram <i>Gold Bar</i>
Ketiga	1	5 gram <i>Gold Bar</i>
Saguhati	15	1 gram <i>Gold Bar</i>
<b>Jumlah</b>	<b>18</b>	<b>50 gram</b>

Cabutan Kedua bagi pelanggan membuat gadaian dari bulan Julai hingga September 2024:

KATEGORI	BIL. PEMENANG	HADIAH
Pertama	1	20 gram <i>Gold Bar</i>
Kedua	1	10 gram <i>Gold Bar</i>
Ketiga	1	5 gram <i>Gold Bar</i>
Saguhati	15	1 gram <i>Gold Bar</i>
<b>Jumlah</b>	<b>18</b>	<b>50 gram</b>

**10. Bilakah pemilihan pemenang akan berlangsung?**

Pemilihan pemenang melalui undian secara rawak akan dijalankan dengan menggunakan sistem undian berkomputer pada Ogos 2024 untuk cabutan pertama dan selepas tamat tempoh kempen untuk cabutan kedua.

**11. Adakah pemenang boleh memenangi lebih dari satu hadiah?**



Bank Pilihan Anda

Setiap pemenang hanya layak untuk menerima satu (1) hadiah sahaja bagi setiap cabutan.

**12. Adakah pemenang yang telah memenangi hadiah pada cabutan pertama masih layak untuk memenangi hadiah pada cabutan kedua?**

Pemenang yang telah memenangi hadiah pada sesi cabutan pertama masih layak untuk memenangi hadiah cabutan kedua sekiranya pelanggan membuat gadaian dalam tempoh gadaian cabutan kedua.

**13. Bagaimanakah pelanggan boleh mendapatkan maklumat tentang kempen ini?**

- Melalui “call centre” Bank Rakyat
- Di Cawangan dan Ar-Rahnu X’Change
- Media sosial Bank Rakyat
- Iklan akan disiarkan secara digital dan iklan radio
- Hebahan dari Syarikat Emas terpilih

**14. Kongsikan tentang Pembiayaan Pajak Gadai-i sebagai salah satu produk pembiayaan Bank Rakyat?**

Pembiayaan Pajak Gadai-i Bank Rakyat menawarkan pembiayaan tunai segera dan mudah sehingga RM350,000 (terkumpul) dengan kadar keuntungan yang rendah. Manakala had gadaian bagi emas jenis berongga (*hollow gold*) adalah sehingga RM100,000 sehari.

Pembiayaan Pajak Gadai-i ialah sebuah pembiayaan paling mudah untuk diproses terutamanya bagi mereka yang baru mahu memulakan perniagaan. Tambahan lagi, dengan adanya cawangan Ar-Rahnu di seluruh negara 140 Cawangan Bank Rakyat dan 49 Ar-Rahnu X’Change Bank Rakyat, kami begitu efisien dalam memastikan urusan anda semua berjalan lancar.

Barang kemas yang dipajak gadai juga dijamin selamat. Sebagai contoh,



Bank Pilihan Anda

pelanggan yang pergi bercuti keluar negara boleh menggadai barang kemas mereka di Ar-Rahnu. Selain itu, kami menyediakan perkhidmatan mencuci aksesori emas secara percuma di setiap cawangan Bank Rakyat, Ar-Rahnu Bank Rakyat dan perkhidmatan ini terbuka kepada semua.

**15. Apakah harapan Bank Rakyat menerusi penganjuran Kempen Gadai Beli Dan Menang ini?**

Bank Rakyat berharap agar kempen ini akan menarik lebih ramai pelanggan baharu terutama pelanggan dari syarikat emas yang bekerjasama menyertai kempen untuk menggunakan perkhidmatan Ar-Rahnu. Menerusi kempen ini, kami mahu masyarakat memahami yang mereka boleh menggunakan emas mereka sebagai satu aset yang boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan taraf ekonomi individu dan berupaya untuk menjana ekonomi negara.

**Terima kasih.**